

LAPORAN LAKSANA



LAKSANA
Agensi Pelaksanaan Ekonomi & Koordinasi Strategik Nasional

YB TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL AZIZ
Menteri Kewangan Malaysia

LAPORAN LAKSANA ke-78

2 DISEMBER 2021



- **ULASAN ISU SEMASA**
- **PENGEKALAN & PENJANAAN PEKERJAAN**
- **PEMERKASAAN PERNIAGAAN**
- **INISIATIF-INISIATIF LAIN**

ULASAN ISU SEMASA



100 HARI PENCAPAIAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Dalam masa 100 hari ini, kita telah memberi talian hayat kepada 11 juta Keluarga Malaysia melalui Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), Bantuan Khas COVID-19 (BKC) dan Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP), 1.9 juta pekerja melalui Program Subsidi Upah (PSU) serta 1 juta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui Geran Khas Prihatin (GKP).

Keutamaan Kementerian Kewangan (MOF) adalah memastikan kesejahteraan rakyat, ketahanan perniagaan dan kemakmuran ekonomi. Secara ringkas, program yang telah dilaksanakan bagi mencapai matlamat ini termasuklah:

- a. Membantu aliran tunai PMKS:
 - Sejumlah RM3.3 bilion telah disalurkan melalui PSU. Program ini telah memanfaatkan lebih dari 180,000 majikan, dan 1.9 juta pekerja. Program ini akan berakhir pada bulan Disember 2021. Walaubagaimanapun, secara keseluruhannya, sejumlah RM19.453 bilion telah diperuntukkan melalui PSU. Sehingga kini program ini telah memanfaatkan lebih dari 357,102 ribu majikan, dan 2.9 juta pekerja.
 - Sejumlah RM1 billion telah disalurkan melalui GKP bagi memanfaatkan 1 juta PMKS yang layak.
- b. Menyalurkan bantuan tunai kepada Keluarga Malaysia:
 - Setakat November 2021, sejumlah RM8.8 bilion telah disalurkan melalui BPR, BKC dan BKP yang telah memanfaatkan 11 juta penerima. Terdapat RM1.2 bilion lagi akan disalurkan pada Disember 2021 di bawah BKC Fasa 3 kepada penerima yang layak.
- c. Menyediakan Bajet 2022 dengan pendekatan yang menyeluruh:
 - Meningkatkan siling Kumpulan Wang COVID-19 (KWC) kepada RM110 bilion, di mana Rang Undang-undang (RUU) pindaan akta tersebut diluluskan di Parlimen secara sebulat suara. Tambahan lagi, had statutori pinjaman Kerajaan Persekutuan ditingkatkan kepada 65%. Bagi RUU ini, Pindaan Akta telah diwartakan pada 17 Oktober 2021 melalui Akta A1635.
 - RUU Perbekalan 2022 (Bajet 2022) untuk peringkat Dasar telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 18 Oktober 2021, dan kini sedang dalam proses perbahasan di peringkat Jawatankuasa yang dijangka selesai pada 13 Disember 2021 sebelum di bawa ke Dewan Negara.

Antara kejayaan terbesar setakat ini adalah kelulusan untuk meningkatkan siling KWC dan had hutang statutori, serta kelulusan RUU Perbekalan 2022 (Bajet 2022) di Peringkat Dasar. Semua kelulusan ini akan membolehkan Kerajaan melaksanakan perancangan yang telah diatur bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan perniagaan bagi memacu pemulihan ekonomi negara.

ULASAN ISU SEMASA



PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) BOLEH MENARIK NAFAS LEGA DENGAN PENANGGUHAN PEMBAYARAN CUKAI HINGGA JUN 2022

Penangguhan bayaran Anggaran Cukai Kena Dibayar (CP204) dan Skim Bayaran Ansuran (CP500) akan diberikan secara automatik kepada pembayar cukai berstatus Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana (PMKS) yang layak mulai 1 Januari hingga 30 Jun 2022.


Bagi bayaran CP204, penentuan kriteria perniagaan yang layak mendapat status PMKS adalah syarikat, koperasi, badan amanah dan perkongsian liabiliti terhad yang mempunyai modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta bagi saham biasa pada permulaan tempoh asas untuk suatu tahun taksiran.

Selain itu, entiti berkenaan perlu memperoleh pendapatan kasar perniagaan berjumlah RM50 juta dan ke bawah bagi suatu tahun taksiran.

Pembayar cukai yang layak adalah berdasarkan rekod atau Borang Nyata Cukai Pendapatan terkini yang diterima oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Maklumat lanjut berkaitan penangguhan tersebut boleh diakses melalui pautan https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/SOALAN_LAZIM_PINDAAN_BAJET_2022_CP204... atau sila hubungi Hasil Recovery Call Centre (HRCC) di talian 03-87511000.

ULASAN ISU SEMASA



100% PEMBAYARAN TANPA TUNAI UNTUK SEMUA PERKHIDMATAN KERAJAAN MENJELANG 2022

Tahniah kepada Jabatan Imigresen Malaysia yang menjadi agensi kerajaan pertama yang mencatat pencapaian 100% e-Pembayaran pada tahun ini sehingga meraih penjimatan berjumlah RM2.4 juta tahun lepas. Pengiktirafan ini telah disampaikan semasa majlis penyampaian hadiah kepada pemenang Kempen “Cashless Boleh”.

Kempen yang melibatkan sejumlah 14 agensi kerajaan ini bertujuan untuk memupuk kesedaran dan menggalakkan tabiat e-Pembayaran ataupun tanpa tunai dalam kalangan orang awam, sebagai kaedah pembayaran utama di negara kita.

Selain itu, kempen ini turut membantu migrasi Agensi Kerajaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan ke arah mencapai kutipan pembayaran perkhidmatan kerajaan 100% tanpa tunai menjelang 2022. Setakat akhir tahun lalu, 60% jumlah kutipan oleh kerajaan adalah menerusi e-Pembayaran.

Pembayaran tanpa tunai akan membawa kepada keselamatan transaksi yang lebih tinggi, koordinasi lebih baik, selain menambah baik komunikasi inisiatif anti rasuah dan lebih memudahkan perkongsian maklumat.

Pendigitalan juga akan dapat memodenkan penyampaian perkhidmatan dan menangani rasuah, dengan mengurangkan titik pertemuan secara langsung antara orang awam dan pegawai kerajaan.

Antara langkah yang telah dilaksanakan ialah beralih kepada kad pengenalan elektronik dan bukti identiti secara biometrik untuk pengenalan orang awam serta penyaluran kebanyakan bantuan secara terus berasaskan tanpa tunai, di mana permohonan dan pembayaran untuk Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan Geran Khas Prihatin (GKP) dilakukan secara elektronik dan dalam talian.

PENGEKALAN & PENJANAAN PEKERJAAN



MYDIGITALWORKFORCE IN TECH (MyWiT)

Sejajar dengan program celik digital dan peningkatan kemahiran, Kerajaan dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) telah memperkenalkan inisiatif *MyDigitalWorkforce in Tech (MyWiT)* untuk menambahbaik kemahiran dan keupayaan pekerja Malaysia dengan menggalakkan syarikat untuk mengambil pekerja Malaysia bagi pekerjaan teknologi dan perkhidmatan digital melalui insentif gaji dan subsidi kursus latihan. Insentif yang disediakan adalah subsidi 40% daripada gaji bulanan selama 6 bulan, terhad kepada gaji minimum sebanyak RM2,000 dengan insentif maksimum sebanyak RM2,600 sebulan manakala subsidi kursus latihan yang ditawarkan adalah sehingga RM8,000 seorang. Setakat 26 November 2021, program MyWiT ini telah mendapat sebanyak 2,052 pemohon dan daripada jumlah tersebut, seramai 134 peserta telahpun berjaya ditempatkan dalam pekerjaan teknologi dan perkhidmatan digital.

Untuk maklumat lanjut, sila layari pautan <https://mdec.my/ms/mywit/>.

PROGRAM RESKILLING AND UPSKILLING VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (PRUV-ATM)

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM30 juta di bawah Belanjawan 2021 bagi Program Peningkatan Kemahiran dan Latihan Semula khusus untuk pesara tentera melalui Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT). Program ini dilaksanakan untuk menambahbaik status sosio-ekonomi veteran di mana veteran akan dilatih untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dimiliki bagi sektor pekerjaan dan keusahawanan yang diceburi.


Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang layak memohon ialah veteran yang telah menjalani Latihan Peralihan antara tahun 2015 hingga 2021. Setakat 31 Oktober 2021, Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan (PERHEBAT) telah berjaya memanfaatkan sebanyak 4,600 veteran ATM.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://belanjawan2021.treasury.gov.my/manfaat/index.php/bm/pruv-atm>.

PENGEKALAN & PENJANAAN PEKERJAAN

PROGRAM SUBSIDI UPAH 1.0 (PSU 1.0)

Di bawah Pakej PRIHATIN, Program Subsidi Upah (PSU) adalah bantuan kewangan yang dibayar kepada majikan bagi setiap pekerja tempatan yang bergaji RM4,000 dan ke bawah. Subsidi sehingga RM1,200 sebulan tersebut akan diberikan untuk tempoh 3 bulan bagi membantu majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Program tersebut dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan di bawah Pakej PENJANA dan secara keseluruhannya, subsidi yang diberikan kepada majikan adalah untuk tempoh 6 bulan. Setakat 19 November 2021, seramai 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja telah menerima manfaat PSU di bawah PRIHATIN dan PENJANA di mana permohonan subsidi upah yang diluluskan telahpun mencapai nilai RM12.952 bilion.




*Jumlah kumulatif

**Jumlah majikan dan pekerja kekal pada takat maksima. Namun, pembayaran dibuat secara berfasa dan berterusan untuk memastikan bahawa hanya perusahaan yang layak sahaja menerima subsidi tersebut.

PROGRAM SUBSIDI UPAH 2.0 (PSU 2.0)

Di bawah Pakej Kita PRIHATIN pula, bantuan subsidi upah tersebut dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada yang menerima PSU manakala bantuan PSU selama 6 bulan diberikan kepada semua permohonan antara 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020. Setakat 19 November 2021, sejumlah RM1.402 bilion telah disalurkan kepada 81,005 majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi 715,449 pekerja.



*Jumlah kumulatif

PENGEKALAN & PENJANAAN PEKERJAAN

PROGRAM SUBSIDI UPAH PSU 3.0 (PSU 3.0)

Di bawah Belanjawan 2021 dengan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion, Kerajaan telah melanjutkan pelaksanaan PSU selama 3 bulan lagi dengan lebih bersasar, khususnya bagi sektor pelancongan termasuk sektor peruncitan dengan kadar RM600 sebulan bagi pekerja bergaji RM4,000 dan ke bawah. Setakat 19 November 2021, sebanyak RM3.355 bilion telah disalurkan untuk mengekalkan penggajian bagi 1,516,165 pekerja. PSU 3.0 turut ditambahbaik dengan Pakej Bantuan PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA+ seperti berikut:

Peruntukan	Tarikh Permohonan	Sektor Sasaran	Tempoh Subsidi Upah
Belanjawan 2021 (PSU 3.0 Bersasar)	1 Januari 2021 – 30 Jun 2021	Sektor Pelancongan & Runcit	3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada 6 bulan bagi permohonan baru
PSU 3.0 PERMAI	19 Januari 2021 – 30 Jun 2021	Semua sektor di negeri PKP	1 bulan sahaja
PEMERKASA (PSU 3.0 PEMERKASA)	1 April 2021 – 30 Jun 2021	Sektor Pelancongan & Runcit serta Perniagaan lain yang ditutup semasa PKP 2.0	3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada dan baru
PEMERKASA+	1 Jun 2021 – 31 Julai 2021	Semua Sektor	1 bulan tambahan bagi majikan sedia ada dan baru

PROGRAM SUBSIDI UPAH PSU 4.0 (PSU 4.0)

Di bawah Pakej PEMULIH pula, Kerajaan telah melaksanakan PSU 4.0 dengan peruntukan sebanyak RM3.8 bilion yang dijangka memanfaatkan 2.5 juta pekerja. Melalui PSU 4.0, Kerajaan akan menampung sehingga 500 pekerja bagi setiap majikan dengan kadar sebanyak RM600 setiap pekerja selama tempoh 4 bulan, iaitu 2 bulan bagi semua sektor dalam fasa kedua PPN dan 2 bulan seterusnya khusus bagi sektor-sektor yang dikategorikan dalam senarai negatif semasa tempoh fasa ketiga nanti. Had gaji RM4,000 juga telah dilonggarkan yang membolehkan majikan untuk memohon PSU 4.0 bagi pekerja yang bergaji lebih dari RM4,000. Setakat 19 November 2021, sebanyak RM1.744 bilion telah disalurkan kepada 134,851 majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi 1,620,134 pekerja.

Secara keseluruhannya, Kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM19.453 bilion kepada 357,102 majikan melalui Program Subsidi Upah bagi mengekalkan penggajian 2,950,138 pekerja tempatan dalam usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan pekerja warganegara Malaysia.

PEMERKASAAN PERNIAGAAN




SKIM PEMBANGUNAN USAHAWAN MASYARAKAT INDIA (SPUMI)


Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) adalah satu inisiatif strategik Kerajaan di bawah TEKUN untuk membantu masyarakat India mempertingkatkan ekonomi menerusi penglibatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Bagi masyarakat India yang ingin menceburkan ekonomi menerusi penglibatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Bagi masyarakat India yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan serta mereka yang ingin memajukan lagi perniagaan sedia ada, nilai pembiayaan yang disalurkan adalah dari RM1,000 sehingga RM100,000 bagi setiap usahawan mengikut kelayakan. Tempoh bayaran balik pembiayaan adalah sehingga 120 bulan (10 tahun) pada kadar 4% setahun. Program ini telah diberi peruntukan sebanyak RM20 juta, di mana RM5 juta adalah daripada Belanjawan 2021 manakala penambahan sebanyak RM15 juta adalah daripada Pakej Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI). Setakat 19 November 2021, RM21.50 juta telah berjaya disalurkan kepada 895 PKS Mikro.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.tekun.gov.my/ms/usahawan-tekun/skim-pembangunan-usahawan-masyarakat-india-spumi-2/>.

Jumlah disalurkan*
(RM juta)



Jumlah penerima



*Jumlah kumulatif


PEMERKASAAN PERNIAGAAN




ELAUN KHAS BARISAN HADAPAN (*FRONTLINERS ALLOWANCE*)

Setakat 19 November 2021, sebanyak RM1.120 bilion telah disalurkan berdasarkan 2,973,802 tuntutan yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Jumlah disalurkan*
(RM bilion)



Jumlah tuntutan



*Jumlah kumulatif

PEMERKASAAN PERNIAGAAN



SKIM PENGELUARAN i-LESTARI KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

Inisiatif yang bermula pada April 2020 sehingga Mac 2021 ini memudahkan pengeluaran daripada Akaun 2 KWSP bagi membantu golongan yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19 untuk meneruskan kelangsungan hidup. Pengeluaran maksimum adalah sebanyak RM500 sebulan dan bergantung kepada jumlah baki yang terdapat di dalam Akaun 2 KWSP. Pada akhir tempoh pengeluaran i-Lestari iaitu April 2021, jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM20.8 bilion dan melibatkan 5.27 juta penerima.

SKIM PENGELUARAN i-SINAR KWSP

Inisiatif ini diperkenalkan oleh Kerajaan dengan kerjasama KWSP untuk membolehkan ahli KWSP untuk membuat pengeluaran daripada Akaun 1 mulai 8 Mac 2021. Beberapa penambahbaikan telah diperkenalkan dengan i-Sinar Tanpa Kriteria yang membenarkan semua ahli KWSP (termasuk pemastautin tetap dan bukan negara) yang berumur 55 tahun di bawah dan mempunyai baki simpanan di dalam Akaun 1 sekurang-kurangnya RM150 untuk turut membuat pengeluaran juga. Setakat 12 November 2021, pengeluaran kumulatif i-Sinar yang telah berjaya dikreditkan adalah sebanyak RM58.8 bilion, yang melibatkan 6.57 juta pemohon.

SKIM PENGELUARAN i-CITRA KWSP

Dengan pengumuman Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH), Kerajaan telah memperkenalkan kemudahan pengeluaran baharu iaitu i-Citra yang membenarkan ahli KWSP untuk membuat pengeluaran sehingga RM5,000 dengan kadar bayaran tetap RM1,000 sebulan untuk tempoh 5 bulan. Kemudahan ini dapat menyalurkan sebanyak RM30 bilion kepada rakyat untuk menampung keperluan harian di mana pembayaran pertama dijangka akan dikreditkan dalam akaun pada bulan ini. Setakat 12 November 2021, pengeluaran kumulatif i-Citra yang telah diluluskan adalah sebanyak RM21.5 bilion yang melibatkan 5.21 juta pemohon. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM17.50 bilion telah berjaya dikreditkan kepada ahli.

LAMPIRAN

LAMPIRAN: PENCAPAIAN PAKEJ PENJANA

MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT


- Subsidi Pengangkutan Awam My30**

Setakat 19 November 2021, sebanyak RM127.74 juta telah disalurkan bagi langganan 751,414 pas bulanan pengangkutan awam tanpa had bernilai RM30 ini, yang disediakan khusus untuk warganegara Malaysia. Seperti yang diumumkan di bawah Belanjawan 2021, inisiatif ini dilanjutkan ke tahun 2021 bagi terus menggalakkan mobiliti dan mengurangkan beban kos pengangkutan awam untuk Rakyat.
- Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan**

Setakat 19 November 2021, seramai 137,659 pekerja telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini. Antara industri dan sektor utama yang mengambil pekerja termasuk pembuatan serta perdagangan borong dan runcit.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.perkeso.gov.my/186-penjana/803-program-insentif-pengambilan-pekerja-dan-bantuan-latihan.html>.

KATEGORI RAKYAT YANG MENDAPAT PEKERJAAN



*Jumlah kumulatif

** Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah disebabkan sesetengah majikan yang tersilap membuat pemilihan kategori pekerja sebelum permohonan sebenar.

LAMPIRAN: PENCAPAIAN PAKEJ PENJANA

MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

Senarai 5 industri/ sektor pengambil pekerja tertinggi mengikut kategori

No	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	Keseluruhan
1	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan
2	Perkhidmatan Lain	Pembuatan	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain
3	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal
4	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan
5	Pendidikan	Pembinaan	Maklumat & Komunikasi	Pendidikan	Pembinaan

LAMPIRAN: PENCAPAIAN PAKEJ PENJANA

MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

3. Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran

Setakat 19 November 2021, seramai 150,908 peserta telah diluluskan (tiada peningkatan berbanding minggu sebelumnya) untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan. Senarai kursus-kursus yang mendapat permintaan boleh dilihat melalui pautan Kementerian Kewangan. Selain itu, pemohon juga boleh layari laman web agensi-agensi Kerajaan seperti yang dimaklumkan di dalam Laporan bertulis untuk mendapatkan maklumat mengenai kursus-kursus yang ditawarkan. Bagi mereka yang sedang mencari pekerjaan terutamanya golongan belia, anda semua dijemput menyertai kursus-kursus ini.

Kementerian/ Agensi	Program/ Skim/ Inisiatif
 <p>Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) (www.penjanahrdf.com.my)</p>	<div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">SME Development</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Place & Train</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Gerak Insan Gemilang (GIG)</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">B40 Development</div> </div>
 <p>Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC) (https://www.medac.gov.my)</p>	<div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">INSKEN Business Training</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Program Micro Connector</div> </div>
 <p>Majlis Amanah Rakyat (MARA) (http://penjana.mara.gov.my/)</p>	<div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Programme (e-entrepreneur) — Training e-Commerce Platform</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Programme (e-entrepreneur) — Bespoke</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies / Short Courses Programme</div> </div>
 <p>East Coast Economic Region Development Council (ECER) (https://www.ecerdc.com.my/penjana/Website/index.html)</p>	<div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">ETEP Enhanced Train & Place (PENJANA)</div>
 <p>Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) (https://www.ncer.com.my/jomkerja_jomniaga/)</p>	<div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">JomNiaga@NCER</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">JomKerja@NCER</div> </div>
 <p>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) (http://www.motac.gov.my/)</p>	<div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Pembangunan Kemahiran Komuniti</div>
 <p>Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (https://great.mohe.gov.my)</p>	<div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Program Ekonomi Gig</div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; text-align: center;">Program Keusahawanan</div> </div>

LAMPIRAN: PENCAPAIAN PAKEJ PENJANA

MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

- | | |
|--|---|
| 4. Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN atau <i>TEKUN Business Recovery Scheme (TBRS)</i> khas untuk PKS Mikro | Dana RM100 juta ini telah mencapai objektifnya dengan memanfaatkan 14,946 PKS Mikro. |
| 5. Bumiputera Relief Financing (BRF) berjumlah RM200 juta oleh Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) | Bantuan Dana Khas ini adalah khas untuk PKS Bumiputera yang terkesan oleh COVID-19 dengan pembiayaan antara RM100,000 dan RM1 juta bagi PKS terlibat. Dana RM200 juta ini telah mencapai objektifnya dengan memanfaatkan 749 PKS. |
| 6. Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA | Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM600 juta bagi PKS dan PKS Mikro yang masih terkesan dengan penularan COVID-19. Setakat 19 November 2021, terdapat 701 permohonan bagi pembiayaan ini dan daripada jumlah ini sebanyak 340 permohonan telah diluluskan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM67.5 juta. |


Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.bnm.gov.my/documents/20124/2294076/FAQ%20PENJANA%20Tourism%20Financing_BM.pdf.

Maklumat tambahan daripada BNM


RM400 juta daripada dana asal RM1 bilion diperuntukkan semula bagi:

- Penubuhan Kemudahan Bantuan Bencana (DRF) untuk mengurangkan beban kewangan dan memulihkan operasi perniagaan PKS yang terjejas akibat banjir; dan
- Kemudahan Automasi Digital PKS (ADF) untuk memberi insentif kepada PKS untuk mengautomasikan proses dan mendigitalkan operasi untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan.

Jumlah diluluskan* (RM juta)



Jumlah PKS Mikro*



*Jumlah kumulatif

LAMPIRAN: PENCAPAIAN PAKEJ PENJANA

MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN


7. **Skim Pembiayaan Mudah Jaya Penjana Institut Pengajian Tinggi Swasta (SPiM Penjana IPTS) oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA)** Kemudahan pembiayaan ini bermula dengan had RM500,000 sehingga RM50 juta dengan kadar keuntungan 3.5% setahun yang bertujuan untuk membantu IPTS Bumiputera yang terkesan dengan pandemik COVID-19 untuk menampung modal kerja seperti kos operasi, gaji pekerja, sewa premis, utiliti dan perbelanjaan mengurus. Setakat 19 November 2021, terdapat sebanyak 55 permohonan bagi skim pembiayaan ini dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM152.3 juta telah disalurkan kepada 22 buah IPTS Bumiputera.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.mara.gov.my/en/index/entrepreneurship/business-financing/spim/#tab-id-1>.


8. **Skim Jaminan Prihatin DanaJamin (DPGS)** Skim Jaminan Prihatin DanaJamin (DPGS) yang diperkenalkan oleh Kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (PRIHATIN) menyediakan Kemudahan Skim Jaminan berjumlah RM50 bilion dengan jaminan sehingga 80% daripada jumlah pinjaman bagi tujuan membiayai modal kerja. Skim ini disasarkan kepada perniagaan yang berdaya maju dalam semua sektor yang menghadapi kesukaran akibat penularan wabak COVID-19. Di bawah Belanjawan 2021, program ini turut dilanjutkan di mana syarat-syaratnya turut ditambah baik. Setakat 19 November 2021, sebanyak 87 syarikat telah memohon untuk DPGS di mana jumlah jaminan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM2.035 bilion bagi 57 buah syarikat.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://belanjawan2021.treasury.gov.my/manfaat/index.php/bm/dpgs>.

**Jumlah jaminan diluluskan*
(RM bilion)**



Jumlah penerima



*Jumlah kumulatif

Kini, sebanyak 11 bank turut melibatkan diri dalam skim ini:

- i. Malayan Banking Berhad;
- ii. CIMB Bank Berhad;
- iii. OCBC Bank (Malaysia) Berhad;
- iv. Alliance Bank Malaysia Berhad;
- v. AmBank (M) Berhad;
- vi. Hong Leong Bank Berhad;
- vii. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd;
- viii. Affin Bank Bhd/ Affin Hwang Investment Bank Berhad;
- ix. RHB Bank Berhad;
- x. Bangkok Bank Berhad; dan
- xi. MIDF Amanah Investment Bank Bhd.


LAMPIRAN: PENCAPAIAN PAKEJ PENJANA

MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN


9. Sokongan Penggunaan Teknikal dan Digital bagi PKS dan Syarikat di Peringkat Pertengahan (MTC)

Di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM700 juta bagi membantu dan menggalakkan PKS dan MTC ke arah pendigitalan operasi dan saluran perdagangan. Setakat 19 November 2021, sejumlah RM88.6 juta telah disalurkan kepada 13,889 perniagaan dalam bentuk geran dan pinjaman untuk langganan perkhidmatan digitalisasi.

Jumlah nilai pinjaman* (RM juta)



Jumlah penerima




*Jumlah kumulatif


10. Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SMEs Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)

Setakat 19 November 2021, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetujui terima oleh PKS adalah RM12.59 bilion yang akan memberi manfaat kepada 26,379 PKS. Jumlah ini termasuk Dana *Special Relief Facility* (SRF), *Automation & Digitalisation Facility* (ADF), *All-Economic Sector Facility* (AES) dan *Agrofood Facility* (AF).

Jumlah diluluskan dan disetujui terima* (RM bilion)



Jumlah PKS



*Jumlah kumulatif

Walaupun Dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imSME di pautan <https://imsme.com.my/portal/bm/> yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.

LAMPIRAN: PENCAPAIAN PAKEJ PENJANA


MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

11. Geran Pendigitalan PKS


Bank Simpanan Nasional (BSN) menyediakan geran padanan berjumlah 50% sehingga RM5,000 bagi membantu PKS untuk menggunakan perkhidmatan pendigitalan dalam operasi perniagaan harian untuk meningkatkan daya persaingan dan produktiviti perniagaan. Setiap PKS dibenarkan untuk memohon sehingga 3 jenis perkhidmatan dengan satu atau lebih pembekal perkhidmatan pendigitalan yang berdaftar dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC). Geran ini dibekalkan oleh Kerajaan untuk tempoh 5 tahun bermula 17 Februari 2020 atau apabila mencapai 100,000 permohonan, yang mana terdahulu. Setakat 19 November 2021, sebanyak RM124.88 juta telah disalurkan kepada 45,333 PKS dalam bentuk geran padanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.bsn.com.my/page/sme-digitalisation-initiative?lang=ms-MY&csrt=11686013184590162770>.

Jumlah disalurkan*
(RM juta)



Jumlah penerima



*Jumlah kumulatif

LAMPIRAN: PENCAPAIAN PAKEJ PENJANA


MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

- | | |
|---|--|
| 12. Pengecualian 100% duti eksport kepada sektor komoditi | Merangkumi industri berasaskan minyak sawit, bagi merangsang pertumbuhan sektor komoditi dan nilai eksport negara. Inisiatif ini dapat membantu memudahkan para pekebun kecil untuk menjual hasil keluaran mereka kepada kilang-kilang. Nilai pengecualian duti eksport yang berjaya dimanfaatkan oleh industri negara ialah sebanyak RM593.9 juta. |
| 13. Pengecualian cukai perkhidmatan bagi hotel | Nilai pengecualian cukai yang telah dimanfaatkan oleh pengendali premis penginapan telah mencecah nilai RM2.366 bilion (peningkatan sebanyak RM962.7 juta berbanding RM1.37 bilion pada pelaporan sebelumnya, iaitu pada 29 Januari 2021). Antara inisiatif lain bagi menyokong sektor pelancongan merangkumi pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan melancong serta pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya. |
| 14. Pelepasan cukai jualan bagi kenderaan penumpang | Insentif cukai jualan ini merangkumi pelepasan 100% bagi kereta pemasangan tempatan (CKD) dan pengurangan 50% bagi model import sepenuhnya (CBU). Setakat 15 Oktober 2021, nilai pelepasan cukai jualan yang telah dimanfaatkan adalah berjumlah RM232.96 juta. |
| 15. Program Sustainability Achieved via Energy Efficiency (SAVE 2.0) | <i>Sustainability Achieved via Energy Efficiency (SAVE 2.0)</i> merupakan sebuah program di bawah Belanjawan 2021 yang diperuntukkan sebanyak RM30 juta bagi pemberian 150,000 e-rebat bernilai RM200 kepada mana-mana isi rumah yang membeli alat penyaman udara atau peti sejuk cekap tenaga yang berlabel cekap tenaga 4 atau 5 bintang oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) pada tahun 2021. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang faedah dan amalan penggunaan kelengkapan cekap tenaga. Setakat 19 November 2021, sebanyak 67,210 penebusan telah dibuat yang melibatkan jumlah tuntutan sebanyak RM13.44 juta. |


Untuk maklumat lanjut, sila layari pautan agensi *Sustainable Energy Development Authority* di <http://www.seda.gov.my/saveprogram/>.

- | | |
|---|---|
| 16. Sokongan bagi Industri Pertanian dan Makanan | Pembiayaan bernilai RM400 juta telah diperuntukkan bagi golongan petani, peladang dan nelayan. Di bawah skim ini, RM350 juta merupakan peruntukan di bawah Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank. Setakat 19 November 2021, sebanyak RM241.17 juta telah disalurkan di bawah skim ini bagi memanfaatkan 19,381 PKS Mikro Pertanian. Jaminan makanan (<i>food security</i>) amatlah dititikberatkan di dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan juga Belanjawan 2021. |
|---|---|

**Jumlah disalurkan*
(RM juta)**



Jumlah penerima



*Jumlah kumulatif

LAMPIRAN: PENCAPAIAN PAKEJ PENJANA


MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

17. Sokongan bagi Sektor Seni, Budaya dan Hiburan


Bagi Inisiatif Pemulihan CENDANA, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta yang dijangka akan memanfaatkan 3,000 penerima daripada kalangan seniman dan organisasi di dalam sektor seni dan budaya Malaysia. Penerima akan menerima saiz geran yang berbeza bergantung kepada permohonan dan program yang disasarkan. Setakat 19 November 2021, sebanyak RM5.85 juta telah disalurkan kepada 554 para penggiat industri kreatif.

Mereka disarankan untuk menggunakan peluang kemudahan yang disediakan dan boleh memohon bantuan dari kedua agensi berkaitan dengan melayari www.mycreative.com.my/penjana dan www.cendana.com.my untuk maklumat lanjut.

Jumlah disalurkan*
(RM juta)



Jumlah penerima



*Jumlah kumulatif